# MOTTO



وَتِلْكَ الْأَمْثَالُ نَضْرِبُهَا لِلنَّاسِ وَمَا يَعْقِلُهَا إِلَّا الْعَالِمُونَ

Surah Al-'Ankabut : Ayat 43

Maksudnya : *“Dan perumpamaan-perumpamaan yang demikian itu Kami kemukakan dia kepada umat manusia, dan hanya orang-orang yang berilmu sahaja yang dapat memahaminya"*

**ABSTRAK**

Pengajian hadith adalah satu pengajian yang telah lama wujud iaitu semenjak zaman Rasulullah (s.a.w) hingga masa kini tetapi dalam keadaan berlainan metode dan kurikulum yang mengikut perubahan masa ke masa dan berlainan tempat. Objektif utama disertasi ini adalah untuk mengkaji Pengajian Hadith di Madrasah Miftahul Ulum Sri Petaling, Kuala Lumpur. Sehubungan itu, pengumpulan data mengenai persepsi pelajar dan guru tentang keberkesanan pengajian hadith yang diukur dari aspek tahap pengetahuan pelajar terhadap ilmu hadith dan pengajiannya, metodologi pengajian hadith, kurikulum dan sebagainya. Manakala instrumen yang digunakan dalam kajian ini ialah soal selidik yang diedarkan kepada responden seramai 80 orang pelajar yang mewakili jumlah keseluruhan pelajar seramai 165 orang pelajar, dan kepada responden yang seramai 15 orang guru mewakili jumlah keseluruhan guru iaitu 21 orang. Bagi menentukan tahap persetujuan responden, skala rawak digunakan dan untuk menganalisis data-data dari perisian komputer, *The Statistical Package For Social Science* (SPSS) diaplikasikan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap pengetahuan pelajar terhadap ilmu hadith dan pengajiannya adalah cemerlang dan amat membanggakan, begitu juga terhadap aspek-aspek lain adalah di tahap yang sangat tinggi dan memuaskan. Dengan itu, melalui kajian ini dapat dirumuskan bahawa pihak pentadbiran madrasah, guru-guru Pengajian Hadith dan kurikulumnya seharusnya memainkan peranan yang sangat penting

dalam memantapkan persetujuan tersebut sehingga lebih berkesan agar mencapai matlamat yang amat bermakna.


**ABSTRACT**

Hadith Studies is a study that had existed since the time of the Prophet (saw) to the present but in different methods and curriculum in response to changes over time and in different places. The main objective of this dissertation is to study the Hadith Studies in Miftahul Ulum Madrasah Sri Petaling, Kuala Lumpur. Consequently, the collection of data about student and teacher perceptions of the effectiveness of hadith studies are measured from the knowledge level of students' knowledge and study of hadith, hadith methodology, learning and curriculum aspects. While the instruments used in this study were questionnaires that were distributed to the respondents were 80 students representing a total of 165 students, and the respondents were 15 teachers representing a total of 21 teachers. To determine the level of agreement with the respondent, a random scale are use to analyze data from computer software, *The Statistical Package For Social Science* (SPSS) is applied. The finding of this study showed that the level of students' knowledge on the science of hadith, and the study is excellent, and very proud, as well as on other aspects is a very high level and satisfactory. Thus, through this study can be concluded that the administration of the madrasah, Hadith Studies teachers and the curriculum should play an important role in enhancing the agreement to more effectively in order to achieve meaningful goals.

## PENGHARGAAN

Alhamdulillah, segala puji bagi Allah yang telah memberikan nikmat dan hidayah kepada penulis yang akhirnya mampu untuk menyempurnakankan disertasi ini yang bertajuk: **Pengajian Hadith Di Madrasah Miftahul Ulum, Sri Petaling, Kuala Lumpur .**

Salam rindu buat Rasulullah s.a.w., kerana di atas usahanya, penulis diberikan tempat yang amat bertuah; selaku individu Muslim. Tidak lupa juga kepada sekalian para sahabat, *tabi'in* dan *tabi' tabi'in* yang telah berusaha keras meneruskan perjuangan yang dirintis oleh Rasulullah (s.a.w). hanya kerana satu matlamat; Islam yang tertinggi dan tidak ada yang lebih tinggi daripadanya.

Seterusnya, penulis ingin merakamkan jutaan penghargaan kepada Yang Berbahagia Profesor Madya Dr Fauzi Bin Deraman di atas kesabaran, ketabahan dan kesungguhan beliau selaku penyelia disertasi penulis. Semoga Allah mengurniakan kekuatan kepada beliau untuk terus menyumbang di dalam dunia akademik ini, khususnya dalam bidang pengajian Hadith dan Ulum al-Hadith. Jutaan terima kasih tidak terhingga juga kepada pihak yang paling banyak memberi kerjasama kepada penulis iaitu pihak Madrasah Miftahul Ulum Sri Petaling, Kuala Lumpur yang terdiri daripada Mudir Madrasah Ustaz Abdul Hamid Bin Chin, Ustaz Muhammad Hazim Bin Hussien dan

semua pihak di sana yang terlibat secara langsung dan tidak langsung memberi maklumat kepada penulis.

Kepada Ayahandaku En Yusop Bin Yaakub dan Bonda Pn Noriah Binti Abdul Jabbar serta bapa dan ibu mertua En Hj Ngatiman Bin Nadi dan Pn Hjh Norsiah Binti Sekak, penulis mengucapkan setinggi-tinggi kesyukuran di atas bimbingan dan didikan yang telah diberi selama ini. Tidak lupa kepada isteriku yang tercinta; Nurin Nadia Ngatiman yang banyak memberikan dorongan dan semangat dalam menyiapkan disertasi ini. Buat penyeri rumah tangga kami; Nur Aisyah Humaira' dan Muhammad Aiman Izzuddin , moga dikau menjadi penyambung kepada perjuangan ayahmu dan menjadi anak yang soleh dan solehah.

Kepada adik-adik yang disayangi, Anuar, Zura, Fiza dan Akmal, tidak lupa kepada anak saudaraku Haikal dan Madiha salam sayang untuk kalian semua di atas sokongan yang diberikan. Begitu juga kepada Kak Yan, Jiha, Nasrun, Jannah dan Izzat yang tidak putus-putus memanjat doa untuk penulis, sehinggalah penulis dapat menyempurnakan disertasi ini ke kemuncaknya.

Seterusnya, penulis ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada rakan-rakan di Jabatan al-Qur'an dan al-Hadith seperti Ustaz Nasrin, Ustaz Razak Mahadi, Ustaz Izwan, Ustaz Bunyamin dan lain-lain. Begitu juga Guru Besar En.Abdul Samad Bin Abdul Ghani serta dengan rakan sekerja disekolah, Cikgu Sofi, Cikgu Ali, Cikgu Asaruddin, Cikgu Sabri, Cikgu Syed, Cikgu Amin, Cikgu Ariff dan lain-lain yang tidak jemu memberi semangat kepada penulis.

Semoga sekelumit usaha yang ditaburkan demi ketinggian Islam di kampus perdana ini mendapat ganjaran yang setimpal daripadaNya.

Penulis,
Mohd. Army bin Yusop
Taman Puncak Saujana Seksyen 2,
Kajang , 43000 Kajang.

24 RAMADHAN 1432H
24 OGOS 2011M

**DEDIKASI**

*Ya Allah Ya Rahman*
*Syukur atas nikmatMu, atas nikmat iman dan Islam*
*Dan di atas nikmat kesihatan yang membolehkan*
*Aku terus menyumbang demi kemajuan Islam*

*Ya Rasulullah*
*Sekalung rindu dan penghargaan di atas hidayah islam yang kau bawa*
*Bersama para sahabat yang tercinta, Demi keagungan Islam*
*Pasti kugagahi jua diri ini, agar mampu menjadi penerus kesinambungan*
*Mata rantai-mata rantai Islam*

*Ayahanda Yusop Yaakub dan Bonda Noriah Abd Jabbar*
*Bapa dan Ibu mertuaku ayahanda Ngatiman dan Bonda Norsiah*
*Doa kalian ternyata menaungi perjalanan hidupku selama ini*
*Segunung bakti yang telah dicurahkan, dalam mendidik diriku ini rasanya tidak*
*terbalas oleh lautan syukur, Impianku moga aku menjadi anak yang soleh*
*Kepada dirimu semua*

*Isteriku Nurin Nadia Ngatiman ,*
*Puteri Nur Aisyah Humaira'dan Putera Muhammad Aiman Izzuddin*
*Semoga Allah memberikan kebahagiaan dalam keluarga kita sepanjang hidup ini*
*Diberkati dan diredhai segala amal bakti*
*Yang dikhususkan buat Ilahi Rabbi*

*Anuar, Zura, Fiza, Akmal,,*
*Terima kasih di atas sokongan kalian, Doakan abangmu ini mampu*
*menjadi contoh kepada kalian semua, pastinya jangan lupa kita perlu*
*berbakti kepada kedua orang tua kita, walaupun kita digamit usia*

*Abang Sariff , Kak Nazriana, Najiha, Nasrun, Jannah dan Izzat*
*terima kasih tidak terhingga dari kalian semua ,berkat doa dan*
*sokongan kalian semua menjadi suntikan semangat dan*
*dorongan untuk menempuh cabaran dalam penulisan ini.*

*Pendidik-pendidikku,*

*Jutaan terima kasih kuucapkan di atas ilmu yang dicurahkan*
*Walaupunku sedar kalian tidak pernah mengharapkan balasan*
*Tetapi semestinya dariku iringan doa yang berkekalan*

## JADUAL TRANSLITERASI

| HURUF ARAB | TRANSLITERASI | HURUF ARAB | TRANSLITERASI |
|---|---|---|---|
| ا ، ء | **a,’** | ط | t |
| ب | **b** | ظ | z |
| ت | **t** | ع | ‘ |
| ث | **th** | غ | **gh** |
| ج | **j** | ف | **f** |
| ح | h | ق | **q** |
| خ | **kh** | ك | **k** |
| د | **d** | ل | **l** |
| ذ | **dh** | م | **m** |
| ر | **r** | ن | **n** |
| ز | **z** | ه | **h** |
| س | **s** | و | **w** |
| ش | **sy** | ي | **y** |
| ص | s | ة | t |
| ض | d | | |

| **Vokal Panjang** | | **Vokal Pendek** | |
|---|---|---|---|
| آ | a | Fathah | a |
| و | u | Dammah | u |
| ى | i | Kasrah | i |

| **Diftong** | | | |
|---|---|---|---|
| او | aww | و | aww |
| اى | ay | يّ | iy/i |

Sumber: Ijazah Tinggi (2006), *Buku Panduan Penulisan Tesis/Disertasi*, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.h 30-32.

## KEPENDEKAN

| | | |
|---|---|---|
| s.a.w. | - | sallalahu ‘alaihi wasallam |
| s.w.t | - | subhanahu wa ta‘ala |
| r.a | - | radiyallahu ‘anhu |
| T.P. | - | Tiada Penerbit |
| T.T.P. | - | Tiada Tempat Penerbit |
| t.t. | - | tanpa tarikh |
| c. | - | Cetakan |
| h. | - | Halaman |
| Ibid | - | Ibidem (Latin) - pada rujukan yang sama |
| op.cit. | - | Pengarang dan tajuk buku sama dengan rujukan sebelumnya tetapi halamannya berbeza dan selangi dengan rujukan lain |
| j. | - | Jilid |
| no. | - | Nombor |
| Dr. | - | Doktor |
| Pent. | - | Penterjemah |

## ISI KANDUNGAN

## PRELIMINARI


| **Tajuk** | **Halaman** |
|---|---|
| Motto | i |
| Abstrak | ii |
| Abstract | iii |
| Penghargaan | iv |
| Dedikasi | vii |
| Jadual Transliterasi | viii |
| Kependekan | x |